



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR
MALAYSIA

Tel. : 03- 90785988
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : nikzalbiha@jdn.gov.my

Ruj Kami : JDN.600-5/7/2(24)

Tarikh : 3 Jun 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENGECUALIAN PENGGUNAAN *CLOUD FRAMEWORK AGREEMENT* (CFA) BAGI PEROLEHAN PEMBAHARUAN LESEN MICROSOFT DALAM TEMPOH PELANJUTAN CFA (1 JANUARI 2026 HINGGA 30 JUN 2026)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas dan surat Jabatan Digital Negara (JDN) rujukan JDN.600-5/7/1(24) bertarikh 6 Februari 2026 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/Puan sedia maklum, JDN dalam proses untuk memuktamadkan kontrak tambahan pelanjutan CFA bagi Microsoft Malaysia Sdn. Bhd. dan Enfrasys Solutions Sdn. Bhd. disebabkan keperluan pelarasan harga lesen Microsoft ekoran kenaikan harga global lesen Microsoft.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan Sektor Awam, JDN melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perkhidmatan Cloud Sektor Awam (JPPCSA) Bil. 2 Tahun 2026 bertarikh 20 Mei 2026 telah **MELULUSKAN** permohonan **PENGECUALIAN PENGGUNAAN CFA** bagi perolehan lesen Microsoft kepada agensi Kerajaan dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- i. Melaksanakan perolehan pembaharuan/ baharu bagi lesen Microsoft mengikut Pekeliling Perbendaharaan Kaedah Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa;
- ii. Mengambil kira pembayaran tempoh penggunaan lesen semasa *grace period* (tempoh penggunaan lesen Microsoft selepas tamat tempoh kontrak langganan yang dibenarkan oleh pihak Microsoft tetapi

dikenakan bayaran dalam perolehan pembaharuan lesen) dalam perolehan yang akan dilaksanakan; dan

- iii. Sekiranya kelulusan pelarasan harga Microsoft bagi pelanjutan kali kedua CFA diperoleh daripada Kementerian Kewangan (MoF) sebelum 31 Mei 2026 dan perolehan belum dimuktamadkan, maka kelulusan pengecualian ini TERBATAL. Justeru, perolehan pembaharuan/ baharu bagi lesen Microsoft adalah mengikut tatacara PK2.6 secara rundingan terus dengan Enfrasys Solutions Sdn. Bhd.

4. Selain itu, agensi Kerajaan hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan pelaksanaan projek mematuhi semua akta, dasar, tatacara perolehan Kerajaan, pekeliling dan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa;
- ii. Mendapatkan kelulusan JPICT/ JTISA (mengikut had nilai) berdasarkan Lampiran A3 - Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024: Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam;
- iii. Mendapat dan mengambil tindakan ke atas ulasan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO) mengenai klasifikasi data, pelaksanaan penilaian risiko dan pengesahan tahap keselamatan projek selaras dengan arahan Surat Edaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 4 Tahun 2023: Arahan Keselamatan Berkaitan Pembinaan dan Pengubahsuaian Bangunan Kerajaan dan Penilaian Risiko Keselamatan Terhadap Sistem ICT;
- iv. Memastikan pengendalian media elektronik bagi perkakasan Kerajaan diuruskan seperti ketetapan Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 - Garis Panduan Sanitasi Media Elektronik dalam Perkhidmatan Awam; dan
- v. Melaksanakan pengujian keselamatan sebagaimana Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2024 - Garis Panduan Penilaian

Tahap Keselamatan Rangkaian Dan Sistem ICT Sektor Awam
bertarikh 21 Mac 2024.

5. Sukacita jua dimaklumkan bahawa tempoh *grace period* langganan Microsoft dilanjutkan sehingga 30 Jun 2026 bagi memastikan proses perolehan Pembaharuan Langganan Lesen Microsoft Office 365 Agensi Kerajaan berjalan lancar.
6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh diajukan kepada Bahagian Perolehan Digital (BPED), JDN melalui e-mel bped@jdn.gov.my.
7. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TS. NIK ZALBHA BINTI NIK MAT)